

## **KASSIM AHMAD DAN PEMIKIRAN ANTI HADIS**

Izwan Mohd. Ali, Amini Amir Abdullah &  
Fathiyah Mohd. Fakhruddin

### **ABSTRAK**

Sudah ramai yang mengkaji mengenai Kassim Ahmad, akan tetapi setakat yang diketahui tiada yang mengkaji pemikirannya menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Kami telah mencuba mengkaji pemikiran Kassim Ahmad dan pemikiran anti hadisnya melalui kaedah penyelidikan kualitatif. Alhamdulillah kajian ini dapat diselesaikan sebelum kematiannya. Kassim Ahmad telah dikenal pasti sebagai individu yang mempertikaikan hadis. Pertuduhan anti hadis terhadap beliau telah dibuat sejak tahun 1986 oleh Jabatan Mufti di negeri-negeri melalui beberapa fatwa yang telah diwartakan oleh negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Pahang. Berasaskan kepada penulisan dan ucapan beliau, adalah satu perkara yang penting untuk diteroka tentang pemikiran beliau mengenai Islam terutamanya pandangan beliau terhadap hadis. Berdasarkan hakikat tersebut, kajian tentang pemikiran Kassim Ahmad sebagai individu yang menolak hadis perlu dijalankan bagi meneroka asas pandangan beliau, kaedah yang digunakan bagi menafsir al-Quran, hujah yang digunakan bagi menolak hadis dan pandangan beliau berhubung dengan perkara-perkara *ghaibiyat*. Kami adalah satu-satunya pengkaji yang berjaya menebual beliau sebelum beliau meninggal dunia.

**Kata kunci:** Kassim Ahmad, anti Hadis, kajian kualitatif, Malaysia, pemikiran anti Hadis

## ***KASSIM AHMAD AND ANTI-HADITH THOUGHTS***

### ***ABSTRACT***

*Many researchers have research on Kassim Ahmad, but as far as we are concern no researcher used qualitative research method in researching on Kassim Ahmad. We have tried to research on Kassim Ahmad and his thoughts through qualitative research method. Thanks to Allah, we have completed our research before his death. Kassim Ahmad is identified as an individual that argued the originality of Hadis. The acusation of anti-Hadith on Kassim Ahmad has been made*

*since 1986 in several fatwas issued by Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Pahang.*

*Based on his writings and speeches, it is important to explore Kassim Ahmad's thought especially on Hadith. In addition, it is important to study his thoughts in terms of his basic thoughts, the methodology used to interpret Al-Quran, his arguments on the rejection of Hadith, and his opinions on unseen matters (ghaibiyat). We are the only researchers which have been successfully interviewed Kassim Ahmad before he passed away.*

**Keywords:** *Kassim Ahmad, anti-Hadith, qualitative research, Malaysia, anti-Hadith thoughts*

## **PENDAHULUAN**

Di Malaysia, Kassim Ahmad telah dikenal pasti sebagai individu yang mempertikaikan hadis (Abdul Karim Ali, 2007b). Pertuduhan anti hadis terhadap beliau telah dibuat sejak tahun 1986 oleh Jabatan Mufti di negeri-negeri melalui beberapa fatwa yang telah diwartakan oleh negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Pahang (Wan Mohd Fazrul Azdi, Mohd Rumaizuddin, Mohd Azhar & Fikri, 2015). Dengan gesaan supaya umat Islam berpegang kepada al-Quran semata-mata tanpa melihat kepada hadis, beliau telah diisytihar sebagai anti hadis (Kassim Ahmad, 2015).

Terdapat dua buah buku hasil tulisan beliau yang utama iaitu *Hadis: Satu Penilaian Semula* dan *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik* telah difatwakan sebagai bertentangan dengan ajaran Islam dengan menolak hadis sebagai sumber akidah dan perundangan Islam. Individu atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran-ajaran yang terkandung dalam kedua-dua bahan tersebut adalah sesat dan bertentangan dengan akidah, syariah dan akhlak Islam. Di antaranya fatwa negeri Pahang, Perak, Sarawak, Terengganu, Melaka dan Pulau Pinang (Zulkifli, 2014). Berdasarkan Senarai Judul Bahan Penerbitan Berunsur Islam Yang Diwartakan Perintah Larangan Hingga 2013 (2014), buku *Hadis: Satu Penilaian Semula* berada di bawah perintah larangan pada 10 Julai 1986 dengan rujukan P.U (A) 223 dan buku *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik* pada 21 April 1994 dengan rujukan P.U (A) 135. Daripada pertuduhan dan pengharaman karya Kassim Ahmad, para ilmuan Islam telah mengadakan sesi dialog sejak tahun 1986 lagi. Dialog tersebut dilakukan oleh pihak Angkatan Belia Islam Malaysia

(ABIM) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 28 Jun 1986 (Muhammad Arif, 2018).

Pada tahun 2014 beliau telah muncul kembali dengan membentangkan beberapa pendapat politik beliau yang mempunyai elemen-elemen anti hadis semasa memberi ucapan dalam ucapnama Seminar Pemikiran Dr. Kassim Ahmad: Satu Penilaian di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 15-16 Februari 2014. Ucapan beliau bertajuk Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala Tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan Datang (Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali et. al., 2015; Kassim Ahmad, 2014). Dalam ucapan tersebut, beliau juga telah memetik karya beliau yang telah diharamkan sebagai rujukan (Kassim Ahmad, 2015). Berasaskan kepada penulisan dan ucapan beliau, adalah satu perkara yang penting untuk diteroka tentang pemikiran beliau mengenai Islam terutamanya pandangan beliau terhadap hadis.

Dengan pertuduhan anti hadis terhadap beliau, karya beliau yang telah difatwakan sebagai bertentangan dengan ajaran Islam dengan menolak hadis sebagai sumber akidah dan perundangan Islam, maka satu kajian akan dijalankan untuk mengkaji pemikiran beliau mengenai Islam yang dilihat telah menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat Islam di Malaysia. Berdasarkan hakikat tersebut, kajian tentang pemikiran Kassim Ahmad sebagai individu yang menolak hadis perlu dijalankan bagi meneroka asas pandangan beliau, kaedah yang digunakan bagi menafsir al-Quran, hujah yang digunakan bagi menolak hadis dan pandangan beliau berhubung dengan perkara-perkara *ghaibiyat*.

### **SKOP DAN LIMITASI KAJIAN**

Kajian ini hanya tertumpu kepada pemikiran Kassim Ahmad mengenai Islam sahaja walaupun beliau juga banyak mengeluarkan pandangan dalam bidang politik dan sosial. Tumpuan juga hanya diberikan kepada pandangan beliau tentang penafsiran al-Quran, peranan hadis dan perkara-perkara *ghaibiyat*. Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan temu bual sebagai kaedah pengumpulan data yang utama.

### **KAJIAN PEMIKIRAN KASSIM AHMAD MENGENAI ISLAM**

Secara umum, kajian tentang pemikiran Kassim Ahmad mengenai Islam telah dilaksanakan oleh ramai pengkaji. Antaranya ialah Wan Ismail Bin Muhammad (2004), Mohd Norzi Nasir et. al. (2016), Wan

Mohd Fazrul Azdi et. al (2015), Zikri (2009), Md Hasri (2016), Muhammad Azizan dan Noor Shakirah (2016).

Dalam sebuah disertasi yang bertajuk *Pandangan Kassim Ahmad Tentang Hadis Sebagai Salah Satu Sumber Hukum* yang ditulis oleh Wan Ismail Bin Muhammad (2004), pada awalnya pengkaji membahaskan tentang kepentingan hadis sebagai sumber hukum, di samping hadis dibincang daripada aspek kehujahan serta autoritinya dengan disertai dalil dan hujah untuk memperkukuhkannya. Seterusnya dalam mengkaji pandangan Kassim Ahmad mengenai hadis, pengkaji membincangkan aspek yang penting iaitu biodata Kassim Ahmad yang merangkumi maklumat peribadi, pendidikan, kerjaya serta kegiatan sosialnya yang ada kaitan dengan sikapnya terhadap hadis dengan mengkhususkan perbincangan terhadap pandangan kritikalnya terhadap hadis.

Pandangan Kassim Ahmad terhadap hadis sebagai sumber perundangan juga diteliti dengan menganalisis pemikiran serta sikap beliau terhadap hadis yang berkaitan dengan perundangan. Pengkaji mengemukakan sebahagian hadis serta hukum-hukum yang ditolak oleh Kassim Ahmad dan mengemukakan jawapan bagi setiap hujah dan alasan penolakan beliau serta kritiknya secara langsung berdasarkan dalil serta nas yang lebih kukuh dan realistik. Dalam menilai pandangan Kassim Ahmad, pengkaji menganalisa pemikiran beliau yang berkaitan dengan hadis secara keseluruhan bermula daripada pengertian, sejarah dan kesan pemikirannya terhadap kewibawaan ulama. Pengkaji juga menyatakan beberapa implikasi yang timbul membabitkan persoalan akidah, hukum, autoriti sahabat, tabi'in dan dakwaan beliau bahawa ulama membawa perpecahan dalam kalangan umat Islam, bukannya perpaduan. Metodologi yang telah digunakan adalah kajian perpustakaan, kaedah persejarahan dan kaedah induktif serta deduktif. Pengkaji menyimpulkan berlaku kesilapan Kassim Ahmad dalam memahami dan membawa definisi hadis.

Di antara tujuan beliau menolak hadis adalah untuk mengelakkan daripada timbulnya salah faham dan sebarang kekeliruan, membebaskan umat Islam daripada kuasa palsu, mengajak serta menyeru umat Islam seluruhnya supaya menerima pandangan secara terbuka, mengkritik penyelewengan dan kesilapan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh agama, kerana ianya menyebabkan kekeliruan dan

perpecahan umat dan penolakan hadis atas dasar tiga sumber ilmu: *haqq al-yaqin* (keterangan wahyu), *'ilm al-yaqin* (akal atau logik) dan *'ain al-yaqin* (pancaindera).

Satu kajian lain yang berkaitan dengan kaedah Kassim Ahmad berinteraksi dengan hadis telah dilakukan oleh Mohd Norzi Nasir, Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Suriani Sudi, Zanariah Ismail, Sakinah Salleh & Azman Abdul Rahman (2016) yang bertajuk *Metode Kassim Ahmad Dalam Kajian Hadis: Satu Penilaian Dalam Timbangan Metode Ilmiah Ulama Hadis*. Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada latar belakang Kassim Ahmad, metode Kassim Ahmad dalam kajian hadis dengan mengemukakan metode yang dibina sendiri oleh beliau dalam kajian kritiknya terhadap hadis, metode ilmiah para ulama hadis dalam mengkritik hadis dengan membawa hujah-hujah oleh tokoh-tokoh ulama hadis yang berautoriti dan seterusnya membuat perbandingan di antara metode ulama hadis tersebut dan metode yang digunakan oleh Kassim Ahmad dalam mengkritik hadis-hadis Rasulullah SAW.

Menurut pengkaji, Kassim Ahmad menggunakan metode sosio-historis dan logik akal dalam memahami nas-nas syarak, metode yang berasal daripada sistem hukum yang berpandukan keadaan masyarakat sebagai sumber hukum. Beliau juga bersikap skeptikal terhadap kredibiliti para ulama dengan menolak untuk mengikut pandangan para ulama yang muhtabar yang pada anggapan beliau para ulama telah menutup pintu ijtihad dan menghalang pemikiran kritis dalam kalangan masyarakat awam. Golongan Liberalis, Pluralis dan Sosialis turut berpandangan seperti pandangan Kassim Ahmad ini.

Berkaitan dengan elemen anti hadis yang terkandung dalam ucapan Kassim Ahmad, Wan Mohd Fazrul Azdi et. al (2015) dalam sebuah artikel jurnal telah menilai elemen-elemen anti hadis dalam satu ucapan yang dibuat oleh Kassim Ahmad. Secara asasnya, pengkaji memfokuskan kepada latar belakang Kassim Ahmad juga meneliti karya-karya beliau, seterusnya menganalisis pemikiran anti hadis Kassim Ahmad melalui ucapan beliau pada 16 Februari 2014 yang bertajuk “Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Untuk Menentukan Hala Tuju Negara Malaya Untuk Tiga Puluh Tahun Akan Datang”. Pengkaji juga telah meringkaskan kekeliruan Kassim Ahmad mengenai Islam dalam ucapan beliau melalui sebelas isu dalam bentuk jadual dan seterusnya menjawab dua isu yang telah dikemukakan yang

secara langsung menonjolkan elemen anti hadis dalam ucapan beliau iaitu Imam as Syafie mewajibkan hadis sebagai sumber Islam dan hadis tidak menafsirkan al Quran tetapi al-Quran menafsirkan al Quran melalui kaedah saintifik.

Sebagai orang yang didakwa sebagai pencetus pemikiran anti hadis atau ingkar sunnah, sebuah artikel jurnal telah ditulis oleh Zikri (2009) yang bertajuk Kassim Ahmad Pelopor Inkar Sunnah di Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji latar belakang beliau khususnya keturunan beliau, latar belakang pendidikan yang diterima, pekerjaan dan bidang yang diceburi beliau. Pada awalnya, pengkaji mengeluarkan idea-idea beliau dalam mengingkari sunnah beserta dengan mengemukakan hujah-hujah beliau menolak sunnah dengan merujuk kepada buku Hadis: Satu Penilaian Semula. Seterusnya pengkaji menganalisis pemikiran beliau dan menjawab tuduhan-tuduhan yang telah dilemparkan dan implikasi pemikiran beliau termasuk faktor-faktor yang menyebabkan aliran pemikiran ini tidak mudah untuk dibanteras. Pengkaji juga memberi cadangan bagi mengekang perkembangan aliran pemikiran *Inkar Al-Sunnah* dengan tidak hanya menumpukan kepada pendekatan undang-undang sahaja di samping menambah aktiviti-aktiviti seperti dialog, meningkatkan pemahaman nilai-nilai budaya Melayu dan meningkatkan aktiviti yang berunsur keagamaan.

Sebelum tertubuhnya Forum Iqra', golongan anti hadis di Malaysia menamakan diri mereka sebagai Jema'ah al-Quran Malaysia (JAM) yang dipimpin oleh Kassim Ahmad yang telah dikenal pasti sebagai golongan yang mempertikaikan hadis di Malaysia (Abdul Karim, 2007b). Berdasarkan ini, Md Hasri (2016) telah melakukan kajian mengenai sejarah pemikiran Jema'ah al-Quran Malaysia (JAM) melalui Risalah Siaran Iqra' yang telah diterbitkan dari tahun 1993 hingga 1995. Risalah Siaran Iqra' ini telah diterbitkan dengan tiga jilid mengandungi enam helai. Jilid pertama mengandungi bilangan satu sahaja, jilid kedua mengandungi bilangan satu dan dua manakala jilid ketiga mengandungi bilangan satu, dua dan tiga.

Menurut pengkaji, di samping menubuhkan Jema'ah al-Quran Malaysia ini Kassim Ahmad juga merupakan pengarang tetap dan ketua sidang pengarang kepada Siaran Iqra'. Secara tidak langsung, pengkaji juga telah mengkaji pemikiran Kassim Ahmad berdasarkan penulisan beliau dalam risalah tersebut. Pengkaji telah mengkaji Siaran

Iqra' yang telah diterbitkan pada Julai 1993 sebagai jilid yang pertama dan jilid yang ketiga sebagai jilid yang terakhir diterbitkan pada Jun 1995. Di dalam Risalah Siaran Iqra' ini terdapat tiga tema utama yang dibincangkan iaitu Tema Tauhid, Tema Perundangan Syariah dan Tema Tamadun Islam.

Selain daripada itu, satu kajian juga telah dilakukan terhadap hasil karya Kassim Ahmad yang bertajuk Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik. Dalam kajian ini, Muhammad Azizan dan Noor Shakirah (2016) menumpukan kajian mereka terhadap pemikiran Kassim Ahmad yang meragui kedudukan hadis dalam Islam dengan berpandukan kepada karya tersebut. Pengkaji merujuk kepada karya tersebut yang setebal 199 halaman dan mempunyai 11 bab dan 3 lampiran. Menurut pengkaji secara umumnya kesemua bab yang dibincangkan dianggap genting dan sensitif dan tidak sesuai untuk bacaan umum dan sewajarnya diharamkan kembali.

Dalam memberikan reaksi dan jawapan kepada pendapat beliau, pengkaji hanya memfokuskan kepada beberapa bab sahaja yang dianggap genting daripada sebelas bab. Bab-bab yang dibincangkan dan diberi hujah balas adalah Bab 2 yang bertajuk Taatilah Allah dan Taatilah Rasul, Bab 3 yang bertajuk Siapa Menghuraikan Quran, Bab 4 yang bertajuk Masalah Solat dan Bab 5 yang bertajuk Kedudukan Hadis Yang Sebenarnya. Daripada penelitian terhadap buku yang menjadi subjek perbincangan ini, pengkaji menyimpulkan bahawa Kassim Ahmad keliru dan pemikiran beliau bercelaru dalam memahami Islam yang merupakan agama wahyu dan tidak semuanya dapat difahami menurut akal fikiran.

#### **METODOLOGI PENYELIDIKAN DAN ANALISIS DATA**

Pendekatan metodologi penyelidikan yang telah digunakan adalah pendekatan kualitatif melalui kaedah temu bual secara mendalam. Pendekatan ini dipilih bagi menjawab persoalan kajian untuk mendalami pemikiran individu. Bagi memahami pemikiran seseorang, penerangan secara verbatim lisan melalui komunikasi interpersonal antara penyelidik dan informan diperlukan. Perbualan antara penyelidik bersama informan telah dirakam dengan menggunakan digital voice tracer model Philips VTR 5000 dan data tersebut telah ditranskrip secara verbatim. Analisis data dilakukan dengan menggunakan perisian Nvivo11 dengan membentuk sepuluh kategori yang berada dalam tiga tema utama bagi menjawab persoalan kajian

daripada rakaman perbualan yang telah ditranskrip dan perbualan melalui emel.

Data yang diperolehi melalui rakaman temu bual ditranskrip secara serta merta untuk mengekalkan keaslian dan bagi mengelakkan kecuaiian. Di samping itu, penyelidik juga dapat mengingati segala yang berkaitan dengan komunikasi non-verbal seperti gerak badan, mimik muka dan sebagainya. Penyelidik menggunakan komputer riba bagi mendengar rakaman temu bual untuk memudahkan penyelidik mengawal rakaman temu bual tersebut seperti pause, stop, play dan sebagainya.

Dalam proses mentranskrip data, penyelidik telah mendengar rakaman temu bual secara berulang kali bagi mengelakkan daripada terdapatnya maklumat yang tertinggal. Setelah itu, penyelidik memulakan proses mentranskrip data secara manual dengan mendengar setiap perkataan daripada informan dan disalin di atas kertas secara verbatim. Segala gerak laku informan seperti berdehem, gelak tawa, batuk dan sebagainya dimasukkan ke dalam transkripsi ini. Proses ini mengambil masa yang lama dan menuntut ketelitian dan kesabaran yang tinggi daripada penyelidik. Setelah siap ditranskrip, penyelidik mendengar semula rakaman tersebut dan menyemak segala catatan transkrip tersebut untuk mengelakkan sebarang kecuaiian, fakta yang tertinggal dan data yang ditokok tambah. Proses ini dilakukan secara berulang kali.

## **DAPATAN KAJIAN**

Berikut adalah beberapa dapatan kajian hasil daripada penggunaan metodologi penyelidikan berbentuk kualitatif.

### **1) Tokoh Yang Mempengaruhi Hidup**

Tokoh-tokoh yang telah mempengaruhi hidup beliau adalah Rashad Khalifa, Saddam Hussein dan sebuah NGO di Washington iaitu Kumpulan Lyndon LaRouche (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015) kerana ajaran-ajaran mereka selaras dengan fikiran beliau (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (emel), Mac 1, 2016).

### **2) Hujah-Hujah Kassim Ahmad Mempertikai Hadis**

Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh informan, penyelidik mendapati hujah-hujah beliau mempertikai hadis berdasarkan empat sub-tema iaitu hadis ciptaan orang terkemudian, kesilapan hadis dalam



penafsiran, pendapat Rasulullah SAW boleh jadi betul atau salah dan penggunaan hadis hujah yang lemah. Penjelasan setiap satunya adalah seperti berikut:

**a) Hadis Ciptaan Orang Terkemudian**

Dalam memahami hadis, Kassim Ahmad telah menjelaskan bahawa hadis ini merupakan ciptaan para ulama yang lahir selepas kewafatan Rasulullah SAW (yang terkemudian). Berkenaan dengan hal ini beliau ada menjelaskan:

*“...Orang memang membelakangkan Quran...dia ciptakan hadis...sunnah...ini semua mengarut...yang mereka katakan ini nabi buat...nabi tak buat hadis...ini orang kemudian”* (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

Seterusnya, beliau menjelaskan lagi berkenaan dengan hal ini seperti katanya:

*“Hadis ni dia timbul kemudian...direka oleh pelbagai puak”* (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

Dalam menjelaskan rukun Iman, beliau menjelaskan bahawa beriman kepada hadis tiada dalam rukun Iman malah hadis merupakan rekaan ulama kemudian, katanya:

*“Kan kita rukun iman tu beriman kepada Tuhan yang satu...hadis mana ada dalam rukun iman...depa reka kemudian”* (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

**b) Kesilapan Hadis Dalam Penafsiran**

Kassim Ahmad juga menjelaskan bahawa terdapat hadis yang salah daripada sudut penafsiran. Menurut beliau tiang agama adalah beriman kepada Tuhan dan bukan sembahyang sebagai tiang agama, beliau berkata:

*“...jadi dalam hadis dia kata sembahyang tiang ugama...ini silap...tiang ugama tu tauhid kita beriman kepada Tuhan yang satu...yang kukuh kalau kita takde tauhid semua ibadah kita batal”* (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

**c) Pendapat Rasulullah SAW Boleh Jadi Betul atau Salah**

Bagi Kassim Ahmad, beliau berpandangan bahawa Rasulullah SAW sebagai manusia biasa yang mempunyai ilmu yang terbatas. Hadis-hadis yang disabdakan Baginda disampaikan oleh para sahabat boleh jadi betul atau salah dan sesuai pada zaman Baginda sahaja. Beliau berkata:

*“Hadis mentafsirkan Quran itu karut...macam mana nabi Muhammad tafsirkan Quran...dia boleh bagi pendapat dia la...setengah boleh jadi betul setengah dia boleh jadi tak betul...tentu la dalam zaman dia sebab dia terima Quran...sahabat-sahabat dia orang ramai tanya dia...dia bagi la pendapat dia...itu pendapat dia...tapi dia manusia yang ilmu terbatas...macam kita jugak (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015)”*.

**d) Penggunaan Hadis Hujah Yang Lemah**

Menurut Kassim Ahmad, penggunaan hadis sebagai penafsir al-Quran merupakan hujah yang lemah. Ini adalah kerana apabila hadis dikaitkan dengan Rasulullah SAW sedangkan Baginda merupakan seorang manusia biasa yang mungkin melakukan kesilapan. Beliau berkata:

*“...Di bawah kaedah tradisional...hadis menerangkan Quran...itu...hujah yang lemah sekali...macam mana hadis boleh nak menerangkan Quran...hadis ni kalau kita kaitkan dengan Nabi Muhammad...Nabi Muhammad dia seorang manusia” (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).*

**3) Pandangan Kassim Ahmad Berhubung Persoalan *Ghaibiyat***

Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh informan, penyelidik mendapati pandangan beliau berhubung dengan persoalan *ghaibiyat* berdasarkan hanya satu sub-tema yang berkaitan iaitu tafsiran persoalan *ghaibiyat* menggunakan akal. Penjelasan setiap satunya adalah seperti berikut:

**i) Tafsiran Persoalan *Ghaibiyat* Menggunakan Akal**

Perkara-perkara *ghaibiyat* atau *sam'iyat* adalah perkara yang tidak dapat ditanggapi dengan akal, pengetahuan dan deria yang terbatas. Tetapi ianya tidak bermakna perkara ghaib tidak wujud sama sekali.

Perkara-perkara ini hanya dapat diketahui melalui al-Quran secara umum dan ada yang dinyatakan secara terperinci tetapi hadis-hadis Rasulullah SAW membicarakan secara lebih jelas. Seluruh umat Islam bersetuju hadis merupakan sumber pengetahuan kedua selepas al-Quran untuk mengetahui perkara-perkara ghaib (al-Qaradawi, 2000). Perkara-perkara ghaibiyat melibatkan soal-soal keimanan kepada perkara-perkara yang tidak dapat ditanggapi melalui pancaindera seperti keimanan kepada Allah SWT, malaikat-malaikatNya, hari Kiamat, Iblis, Jin dan Syaitan, penurunan wahyu dan sebagainya. Berkenaan dengan hari Kiamat, Kassim Ahmad ada menjelaskan seperti katanya:

*“Pendekatan, manusia akan hukum dirinya sendiri. Bayangkan Tuhan pasang satu video yang mengambil gambar kita semua. Pada Hari Pembalasan, video ini akan ditayangkan. Mana manusia yang boleh lari?”* (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015)

**ii) Syurga dan neraka bukanlah suatu tempat tetapi keduanya merupakan satu kejiwaan seperti kata beliau:**

*“...Jadi kalau kita baca Quran kita dapat tau orang yang duduk dalam neraka dia mintak daripada orang yang duduk syurga bagi aku air sikit...orang yang duduk dalam neraka dia bercakap dengan orang yang duduk dalam syurga bagi aku ayaq sikit...aku dahaga...jadi bermakna neraka dan syurga ni bukan tempat...bukan tempat...dia kejiwaan...duduk sama-sama tapi jiwa lain”* (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

Bagi menjelaskan tentang keadaan syurga beliau menjelaskan:

*“...Kejiwaan manusia ni dia ada tiga...sebut dalam Quran...nafsul ammarah...satu...yakni jiwa atau diri yang marah...dia selalu marah dekat orang...dia seorang je yang betul...ha...itu jiwa binatang...jiwa kebinatangan...yang kedua...nafsul lawwamah...jadi diri ni...dia iktiraf diri dia boleh silap...orang lain boleh jadi betul...atau orang boleh silap dia jadi betul...jadi makna itu jiwa yang dah insaf kelemahan diri dia...ingat yang bawah*

*sekali tu dia anggap dia saje betul...orang lain semua salah...sebab tu dia marah kepada orang lain...itu yang kedua...yang ketiga nafsul mutmainnah...diri yang ceria...yang bahagia...ini syurga la ni”* (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

Kemudian, Kassim Ahmad menjelaskan keadaan di dalam syurga yang cuba dikaitkan dengan teknologi moden yang canggih yang akan berlaku pada masa akan datang. Beliau menjelaskan:

*“...Kemudian di dalam syurga kita muda semata-mata...tak tua...anti penuaan...kita akan sampai satu masa teknologi moden...teknologi yang canggih...boleh menyebabkan kita jadi muda sepuluh tahun...anti penuaan...zaman akan datang boleh jadi seratus tahun boleh jadi dua ratus tahun daripada sekarang”* (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

Seterusnya, Kassim Ahmad menjelaskan keadaan di dalam syurga yang melibatkan suasana di sana yang sudah tidak berlaku seperti di dunia. Keadaan ini akan berlaku pada masa akan datang yang berlaku pada satu tahap yang lebih tinggi. Sebagai contoh adat perkahwinan dan keadaan manusia yang akan muda selama-lamanya. Beliau berkata:

*“...Dan masa tu pasangan laki-laki perempuan muda semata-mata...dan bukan ada perkahwinan apa dia takde dah adat-adat yang kita ikut sekarang ni sudah batal...satu tahap yang lebih tinggi...beratus tahun dari sekarang...boleh jadi seratus...dua ratus...tiga ratus tahun...masa depan”* (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

**iii) Keadaan dunia semasa hari Kiamat.** Kassim Ahmad menjelaskan keadaan dunia akan hancur apabila tenaga yang wujud dalam dunia ini kehabisan pada masa akan datang. Keadaan ini akan berlaku selepas daripada wujudnya syurga dan neraka seperti yang telah beliau jelaskan. Selepas daripada itu hanya wujud Tuhan sahaja. Penjelasan yang diberikan beliau:

“...Bila tenaga dalam dunia ni berjuta-juta tahun akan datang...berbilion tahun akan datang...tenaga dia habis...dunia akan hancur...yang wujud hanya Tuhan saja...jadi selepas neraka syurga...seluruh dunia ni akan hancur...apabila tenaga dia habis...yang wujud Tuhan saja” (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

iv) **Wahyu** merupakan sebahagian daripada perkara-perkara ghaib. Wahyu merupakan komunikasi ruhaniah antara seorang rasul yang bersifat manusia biasa (Rasulullah SAW) dengan rasul yang bercirikan malaikat (Malaikat Jibril AS) dalam penyampaian wahyu yang jelas (al-Qaradawi, 2000). Berkenaan dengan hal ini Allah SWT berfirman (maksudnya):

“Tuhanlah sahaja yang mengetahui segala yang ghaib, maka Ia tidak memberitahu perkara perkara ghaib yang diketahui-Nya itu kepada sesiapa pun, melainkan kepada mana-mana rasul yang diredai-Nya (untuk mengetahui sebahagian dari perkara ghaib yang berkaitan dengan tugasnya; apabila Tuhan hendak melakukan yang demikian) maka sesungguhnya Ia mengadakan di hadapan dan di belakang rasul itu malaikat-malaikat yang menjaga dan mengawasnya (sehingga perkara ghaib itu selamat sampai kepada yang berkenaan) (Surah al-Jin 72: 26-27).

Menurut al-Qaradawi (2000), sumber-sumber perkara ghaib yang disampaikan melalui wahyu Ilahi hanya diberi secara khusus oleh Allah SWT kepada para rasul-Nya. Apabila menjelaskan perihal wahyu yang diterima Rasulullah SAW, beliau mendefinisikan wahyu, ilham dan inspirasi sebagai sama. Penjelasan yang diberikan Kassim Ahmad:

“...Jadi ilham inspirasi wahyu ni serupa maknanya lebih kurang serupa” (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

Seterusnya, beliau menjelaskan tentang wahyu yang cuba dikaitkan dengan inspirasi atau ilham. Keadaan Rasulullah SAW menerima wahyu dikaitkan sama seperti datangnya inspirasi atau ilham bagi seseorang manusia biasa. Beliau menjelaskan:

*“...Jadi inspired wahyu itu tadi memang datang daripada Tuhan...karang...macam saya kata tadi bila seorang manusia didatangi inspirasi atau ilham...dia sedar lapan puluh peratus...dua puluh peratus saja dia tak sedar...ha...jadi bila Nabi Muhammad tu didatangi inspirasi...itu yang dia boleh bacakan Quran itu...itulah makna”* (Kassim Ahmad, Komunikasi Personal (temu bual), April 25, 2015).

## **BIBLIOGRAFI**

- Abdul Karim Ali (2007a). Antihadis: Rujukan Kepada Kitab Jima' al-'Ilm. Dlm. Ishak Hj. Suliaman et. al. (Peny.), Autoriti Hadis: Menangani Gerakan Antihadis (hlm. 145-150). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_ (2007b). Metode Imam Al-Syafii dan Ulama di Malaysia Dalam Menangani Golongan Yang Mempertikaikan Hadis: Satu Perbandingan. Dlm. Ishak Hj. Suliaman et. al. (Peny.), Autoriti Hadis: Menangani Gerakan Antihadis (hlm. 151-162). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Sanusi (2011). Pentafsiran al-Quran Melalui Pemikiran Anti Hadis. *Jurnal Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, 15, 57-77.
- Ahmad Sanusi Azmi, Mohd Yusuf Ismail & Zulhilmi Mohamed Nor (2011). Gerakan Anti Hadith Moden: Kajian Terhadap Penyebaran Pemikiran Melalui Internet. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 24, 185-204.
- Ahmad Sunawari Long (2014). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Zaki Abd. Latiff, Abd. Nasir Hj. Musa & Mohd. Yusof Yusak (2006). *Pemikiran Islam Semasa*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.
- Al-A'zami, M. Mustafa (2010). *Studies In Hadith Methodology And Literature (Revised Edition)*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.
- Al-Bukhari, Abi Abdillah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin Bardizbah (1424H/2003M). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qaradawi, Yusuf (2000). *Sunnah: Sumber Ilmu dan Peradaban*. Gombak: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Qaththan, Manna' (2006). *Pengantar Studi Ilmu al-Quran (terj.)*. Jakarta Timur: Pustaka al-Kautsar.
- Al-Quran dan Terjemahan (1996). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Syafie, Abi Abdullah Muhammad Bin Idris (2000). *Al-Umm (Kitab Induk) Jilid 1 (terjemahan)*. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Al-Tirmizi, al-Imam Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa (1999). *Jami' al-Tirmizi*. Riyadh: Dar al-Salam.

- Al-Zuhaili, Wahbah (2005). *Fiqh dan Perundangan Islam: Jilid 1* (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akmal Mhd. Zain (1998). *Membongkar Kekeliruan Firqah Inkar al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ar-Rahawan, Muhammad Saeed Mitwally (2012). *The Science of Hadith Terminology and Classification*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- Asmawi Haji Ehsan (2003). *Ilmu Hadith: Hadith Sebagai Sumber Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asyraf Wajdi Dusuki (2015). *Pelaksanaan Hudud di Malaysia: Satu Tinjauan*. Dlm. Asyraf Wajdi Dusuki (Peny.), *Pelaksanaan Hudud di Malaysia: Satu Analisis: Himpunan Kertas Kerja Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan 2014* (hlm. ix-xxiii). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).
- Azmil Zainal Abidin (2009). *Agenda Sekularisasi di Sebalik Pemikiran Anti-Hadis dan Islam Liberal: Suatu Kupasan Epistemologikal*. Dlm. Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor (Peny.), *Islam Liberal: Isu dan Cabaran* (hlm. 137-155). Petaling Jaya: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Berita Harian Online. Dilayari pada 6 Disember 2018 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/10/335467/kassim-ahmad-meninggal-dunia>.
- Bryman, A. (2004). *Social Research Methods: Second Edition*. New York: Oxford University Press Inc.
- Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah Penyelidikan: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Deden Suparman (2003). *Anti Hadis dan Engkar Sunnah: Suatu Kajian Perbandingan Antara Malaysia dan Indonesia*. (Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Malaya, Malaysia.
- Denffer, Ahmad Von (2003). *Ulum al-Qur'an: An Introduction to the Sciences of the Qur'an*. Leicestershire: The Islamic Foundation.
- Faisal Ahmad Shah (2016). *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Farahwahida Mohd. Yusof (2007). *Aliran Kepercayaan: Sejarah dan Perkembangannya di Malaysia*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Faridi, Shah Shahidullah (2008). *The Fallacies of Anti-Hadith Arguments*. Dlm. P. K. Koya (Peny.), *Hadith and Sunnah: Ideals and Realities* (hlm. 190-209). Selangor: Islamic Book Trust.
- Habeeb Rahman Ibramsa (2006). *Pemikiran Anti Hadis dan Perkembangan Semasa*. Dlm. Haziyah Hussin et. al. (Peny.), *Kelangsungan Pengajian Hadis: Cabaran dan Masa Depan* (hlm. 65-109). Selangor: Jabatan al-Quran & al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

- Hafiz Firdaus Abdullah (2005). 20 Hujah Golongan Anti Hadis dan Jawabannya. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Hamdeh, Emad (2011). *The Necessity of The Hadith in Islam*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- Hesse-Biber, S. N. & Leavy, P. (2006). *The Practice of Qualitative Research*. Thousand Oaks: Sage Publications, Inc.
- Ibn al-Jauzi, Jamal al-Din Abu al-Farj (2007). *Talbis Iblis*. Kaherah: Maktabah al-Rihab.
- Ibn Kathir (2007). *Tafsir Ibnu Katsir: Jilid 6*. Bogor: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Ishak Suliaman (2009). *Liberalisme Dalam Anti Hadith di Indonesia dan Malaysia*. Dlm. Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor (Peny.), *Islam Liberal: Isu dan Cabaran* (hlm. 111-135). Petaling Jaya: Persatuan Ulama' Malaysia.
- Joni Tamkin Bin Borhan (2006). *Pemikiran Syeikh Ahmad al-Fathani Dalam Ekonomi Islam*. Dlm. Mohd Fauzi Hamat et. al. (Peny.), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa* (hlm. 195-212). Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Juhaidi Yean Abdullah (September/Oktober 2013). *Ajaran Gila, Sesat & Membahayakan*. Dakwah, 6-10.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. (2006).
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007).
- Kassim Ahmad (1992). *Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. Kuala Lumpur: Media Indah Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_ (2002a). *Dilema Umat Islam – Antara Hadis dan Quran*. Pulau Pinang: Forum Iqra' Berhad.
- \_\_\_\_\_ (2002b). *Kontroversi Hukum Hudud*. Pulau Pinang: Forum Iqra' Berhad.
- \_\_\_\_\_ (2008). *Mencari Jalan Pulang: Daripada Sosialisme Kepada Islam*. Petaling Jaya: ZI Publications Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_ (2014). *Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional*. Dilayari pada 22 April 2014 daripada <http://kassimahmad.blogspot.com/>
- Khalif Muammar A. Harris (2015). *Islam dan Pluralisme Agama: Memperkukuh Tauhid Pada Zaman Kekeliruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laman Web Jema'ah Al-Quran Malaysia. Dilayari pada 14 Februari 2014 daripada <http://kas1728393.tripod.com/jamhp3.htm>
- Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor. Dilayari pada 8 Januari 2019 daripada <http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/pewartaan/1995-1999/74-fatwa-tentang-golongan-anti-hadith>.
- Leedy, P. D. & Ormrod, J. E. (2013). *Practical Research: Planning and Design*. New Jersey: Pearson Education, Inc.



- Long Bin Kechik (2003). *Pemikiran Yusof al-Qardawi Terhadap Peradaban Manusia*. (Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Malaya, Malaysia.
- Md Hasri Rajali (2016). *Sejarah Pemikiran Jema'ah Al-Quran Malaysia: Suatu Penilaian Terhadap Risalah Siaran Iqra' Dari Tahun 1993-an Hingga Tahun 1995-an*. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 115-125.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education: Revised and Expanded From Case Study Research in Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohamad Kamil Hj. Ab. Majid, Mat Zain Ab. Ghani & Hasan Jali (2010). *Ibnu Taimiyyah: Perjuangan & Pemikirannya Memurnikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Azmi Mat Sah (2009). *Inovasi Pendakwaan Dalam Memantapkan Pendidikan Dewasa di Malaysia*. (Disertasi Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Farid Mohd Shahrhan (2014). *Akidah dan Pemikiran Islam: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Mohd Norzi Nasir, Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Suriani Sudi, Zanariah Ismail, Sakinah Salleh & Azman Abdul Rahman (2016). *Metode Kassim Ahmad Dalam Kajian Hadis: Satu Penilaian Dalam Timbangan Metode Ilmiah Ulama Hadis*. *Jurnal Hadis*, 11, 49-69.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali (2012). *Pemikiran Muhammad al-Ghazali Dalam Bidang al-Quran dan al-Sunah*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Mohd. Zaidi Abdullah (2012). *Pegangan Sejati Ahli Sunnah Wal-Jamaah: Satu Keluhuran dan Kemurnian Pegangan Hidup*. Shah Alam: Akademi 'Ulum Pondok dan Pencerahan Tamadun.
- Muhammad Arif Yahya (2018). *Pemikiran Anti Hadis dan Cabaran Ilmuwan Usuluddin di Malaysia*. Dlm. Wan Fariza Alyati Wan Zakaria et. al. (Peny.), *Prosiding Ilmuwan Usuluddin di Malaysia: Memperkasa Pembangunan Negara dan Perpaduan Ummah* (hlm. 106-110). Kuala Lumpur: Pertubuhan Kearifan Islam Malaysia (OMIW).
- Muhammad Azizan & Noor Shakirah Mat Akhir (2016). *Reaksi Terhadap Pemikiran Anti Hadis Berdasarkan Karya Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik*. *Afkar*, 18(Special Issue), 73-88.
- Nahmar Jamil (1986). *Dari Kod 19 Kepada Anti Hadis*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- Najah Nadiyah Amran (2006). *Diayah Anti Hadis Dalam Internet*. Dlm. Haziyah Hussin et. al. (Peny.), *Kelangsungan Pengajian Hadis: Cabaran dan Masa Depan* (hlm. 111-129). Selangor: Jabatan al-Quran & al-Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia. Dilayari pada 16 April 2014 daripada <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/buku-karangan-dr-rashad-khalifah>

- Philips, Abu Ameenah Bilal (2005). *Usool at-Tafseer: The Methodology of Qur'anic Interpretation*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- \_\_\_\_\_ (2007). *Usool al-Hadeeth: The Methodology of Hadith Evaluation*. Riyadh: International Islamic Publishing House.
- \_\_\_\_\_ (2014). *Senarai Judul Bahan Penerbitan Berunsur Islam Yang Diwartakan Perintah Larangan Hingga 2013*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Sayyid Qutb (2000). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an: Di Bawah Bayangan al-Quran*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Seyyed Hossein Nasr (2007). *Islamic Philosophy From Its Origin To The Present: Philosophy in the Land of Prophecy*. Lahore: Suhail Academy.
- Sidi Gazalba (1981). *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi (2016). *Qualitative Research, Interview Analysis and Nvivo11 Exploration*. Kuala Lumpur: ARAS Publisher.
- Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah. Dilayari pada 8 Januari 2019 daripada <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1>.
- Surtahman Kastin Hasan & Norfadzilah Ahmad (2004). *Pemikiran Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat Dalam Ekonomi*. *Jurnal Usuluddin*, 20, 69-88.
- Utusan Online. Dilayari pada 6 Disember 2018 daripada <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kassim-ahmad-meninggal-1.536116>.
- Wan Ismail Muhammad (2004). *Pandangan Kassim Ahmad Tentang Hadith Sebagai Salah Satu Sumber Hukum*. (Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Malaya, Malaysia.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Mohd Rumaizuddin Ghazali, Mohd Azhar Ibrahim Resedi & Fikri Muharam (2015). *Elemen Anti Hadis Dalam Ucapan Kepada Konferensi Politik Nasional Oleh Kassim Ahmad: Satu Penilaian*. *Al-'Abqari Journal*, 6, 7-34.
- Umar Muhammad Noor (No. 24/2013). *Menjawab Kekeliruan Aliran Antihadis*. *al-Ustaz*, 21-25.
- Zakaria @ Mahmud Daud (2014). *Muhammad Ibn Abd al-Wahhab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zikri Darussamin (2009). *Kassim Ahmad Pelopor Inkar Sunnah di Malaysia*. *AlFikra: Jurnal Ilmiah Keislaman*, 8(1), 1-34.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2010). *Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili: 'Alim Rabbani, Usuli, Faqih dan Mufassir*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- \_\_\_\_\_ (2013). *Istilah-istilah Fiqah dan Usul: Empat Mazhab*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- \_\_\_\_\_ (2014). *Anti Hadis: Inilah Jawapannya*. Bandar Baru Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

**Temu bual**

Temu bual bersama Kassim Ahmad di 1504, Persiaran Kulim Golf, Kulim Golf & Country Resort, 09000 Kulim, Kedah pada 25 April 2015 jam 2.00 petang.

Komunikasi personal (emel) pada 1 Mac 2016.

Komunikasi personal (emel) pada 11 Jun 2016.

*Izwan Mohd. Ali*  
*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan*  
*Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*43400 UPM SERDANG, Selangor.*  
***E-mail: izwanma@gmail.com***

*Amini Amir Abdullah*  
*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan*  
*Fakulti Ekologi Manusia*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*43400 UPM SERDANG, Selangor.*  
***E-mail: amini@upm.edu.my***

*Fathiyah Mohd. Fakhruddin*  
*Fakulti Pengajian Pendidikan*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*43400 UPM SERDANG, Selangor.*  
***E-mail: fathi@upm.edu.my***